

SEJARAH - TINGKATAN 3

Malayan Union Dan Persekutuan Tanah Melayu



Penubuhan UMNO

♦ Tujuan penubuhan UMNO

♦ Perjuangan dan Perkembangan UMNO

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu (1948)

♦ Kuasa Sultan dipulihkan

♦ Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan

♦ Hak istimewa orang Melayu dipulihkan

♦ Syarat kerakyatan diperketat

♦ Majlis Negeri diberi kuasa

PENGENALAN

1. Gerakan nasionalisme Melayu sampai ke kemuncaknya apabila pentadbiran Malayan Union diperkenalkan oleh British pada tahun 1946.
2. Orang-orang Melayu menganggap pengenalan Malayan Union sebagai percubaan menjajah Tanah Melayu oleh British dan cubaan menghapuskan ketuanan Melayu, sebab itulah orang Melayu menentang.
3. Akibat tentangan tersebut telah melahirkan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Februari 1948.

TANAH MELAYU SELEPAS KEKALAHAN JEPUN

1. Selepas kekalahan Jepun pada tahun 1945, Parti Komunis Malaya (PKM) telah menguasai Tanah Melayu selama 14 hari.
2. Banyak keganasan telah dilakukan oleh PKM dalam tempoh tersebut sehingga menimbulkan keadaan huru-hara.
3. Sekembalinya ke Tanah Melayu, British memperkenalkan Pentadbiran Tentera British (PTB), atau *British Military Administration* (BMA) untuk menghadapi huru-hara tersebut.

Keganasan 14 hari

Pemerintahan	Keganasan
<p>Bintang Tiga</p>  <p>Bintang Tiga</p>	<ul style="list-style-type: none">♣ Kekosongan politik telah berlaku di Tanah Melayu apabila Jepun menyerah diri kepada British dan meninggalkan Tanah Melayu.♣ Pada ketika itu, PKM telah mengambil kesempatan menguasai Tanah Melayu melalui cawangan tenteranya yang dikenal sebagai <i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i> (MPAJA) selama 14 hari.♣ Tentera MPAJA dikenal sebagai tentera Bintang Tiga.<ol style="list-style-type: none">(a) Bandar dan daerah penting telah dikuasai oleh PKM melalui MPAJA.(b) Di samping itu, mereka turut menguasai balai polis dan pejabat kerajaan yang ditinggalkan oleh pihak Jepun.(c) Melaksanakan undang-undang sendiri dengan menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa sahaja yang dianggap bekerjasama dengan Jepun.(d) Cukai yang tinggi dikenakan kepada penduduk kampung seperti cukai kepala, cukai harta dan cukai tanah.♣ Keganasan yang tidak berperikemanusiaan telah dilakukan oleh PKM seperti menculik dan menyiksa sesiapa yang dianggap telah bersubahat dengan Jepun.<ol style="list-style-type: none">(a) Menghukum penduduk yang dikatakan menganiaya orang-orang Cina semasa pendudukan Jepun.(b) Merampas harta benda orang-orang kampung.(c) Membunuh sesiapa yang dianggap bersalah :<ol style="list-style-type: none">i. Membunuh seorang penghulu di Batu Pahat yang dianggap bersubahat dengan Jepun;ii. Seorang Pegawai Daerah yang cuba berunding dengan PKM juga telah dibunuh.(d) Masjid dan surau di Jelebu telah dicemar.(e) Pada waktu tengah malam, rumah yang berpenghuni di Kampung bangkor, Sungai Manik, Perak telah dibakar.♣ Ketegangan kaum telah berlaku akibat kekejaman PKM yang kebanyakannya adalah kaum Cina.♣ Orang Melayu yang kebanyakannya orang kampung bangun menentang keganasan PKM sehingga berlaku huru-hara di beberapa tempat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, misalnya di Batu Pahat dan Muar.♣ Di Batu Pahat, orang Melayu di bawah pimpinan Kiai Salleh Karim telah bergabung untuk menyerang orang Cina di bandar Batu Pahat. Dato' Onn Ja'afar, Pegawai Daerah Batu Pahat ketika itu berjaya menghalang daripada berlakunya pertumpahan darah yang dasyat di Batu Pahat.♣ Pentadbiran Tentera British akhirnya berjaya mengatasi ketegangan kaum ini.♣ Kesimpulannya, generasi kita hari ini perlu elakkan peristiwa seperti ini berulang kerana keganasan bukanlah penyelesaian kepada sebarang masalah.

Pentadbiran Tentera British (PTB)

♣ Pada September 1945, British telah memperkenalkan Pentadbiran Tentera British (PTB) di Tanah

Melayu yang diketuai oleh Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam bernama Sir Ralph Hone.

- ♣ Matlamat PTB adalah untuk melaksanakan suatu pentadbiran peralihan sebelum sebuah pentadbiran awam diperkenalkan.



- ♣ Pentadbiran Malayan Union pula diperkenalkan apabila Pentadbiran Tentera British berjaya mengamankan Tanah Melayu.

MALAYAN UNION

1. British telah mengisytiharkan Malayan Union pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara). Sir Edward Gent merupakan Gabenor pertama.
2. Dengan Perisytiharan ini maka dengan rasminya Malayan Union telah menggantikan Pentadbiran Tentera British yang sebelum ini mentadbir Tanah Melayu.

Tujuan Penubuhan Malayan Union

<i>Fakta</i>	<i>Keterangan</i>
Bangsa Malayan Union	♦ Membentuk bangsa Malayan Union dengan harapan golongan imigran menumpukan kesetiaan kepada Malayan Union.
Kawal kuasapolitik orang Melayu	♦ British ingin mengurangkan dan mengawal kuasa politik orang Melayu yang dipercayai memberi kerjasama kepada pihak Jepun.
Berkerajaan sendiri	♦ Sebagai langkah untuk menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.
Pentadbiran yang seragam	♦ Pihak British ingin membentuk suatu pentadbiran yang cekap dan seragam memandangkan pentadbiran Tanah Melayu yang terdiri daripada Negeri-Negeri Selat (NNS), Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu (NNMTB) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) merunitkan pemerintahan British.
Penguasaan yang berterusan	♦ British ingin memastikan penguasaan mereka ke atas Tanah Melayu yang menjadi pengeluar bijih timah dan getah terbesar dunia berterusan.
Kawal imigran	♦ British mahu memastikan sumbangan golongan imigran sebagai sumber tenaga kerja dan pelabur yang memajukan dan mengembangkan ekonomi Tanah Melayu tidak terjejas.
Jimat perbelanjaan	♦ Perbelanjaan pentadbiran dapat menjimatkan oleh British dengan pengenalan Malayan Union kerana pentadbiran berasingan seperti yang sedia ada di Tanah Melayu, iaitu NNMB, NNS, dan NNMTB menelan belanja yang besar.
Kukuh pertahanan	♦ British dapat mengukuhkan pertahanan di Tanah Melayu dan Asia Tenggara.


Ciri-ciri Malayan Union

- ♦ Pengenalan pentadbiran Malayan Union telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada sebuah Tanah Jajahan Mahkota.
- ♦ Negeri naungan bermaksud negeri yang dilindungi oleh British dan Raja-raja Melayu menjadi ketua negeri.
- ♦ Tanah Jajahan Mahkota merupakan negeri yang diperintah oleh British secara langsung, contohnya negeri Melaka dan Pulau Pinang.
- ♦ Pentadbiran Malayan Union adalah berbentuk kesatuan.

Ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union

- ♦ Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu dan dua buah Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka digabungkan menjadi satu unit politik.
- ♦ Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union berbentuk.
- ♦ Malayan Union diketuai oleh seorang Gabenor British yang dilantik oleh Ratu England.
- ♦ Kewarganegaraan sama rata melalui prinsip *jus soli* yang menjadi asas kerakyatan Malayan Union.
- ♦ Raja-raja menjadi ahli Majlis Melayu (Majlis Raja-raja Melayu) yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- ♦ Seorang Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir.
- ♦ Parlimen British menjadi pemutus undang-undang Malayan Union.

Bentuk Pentadbiran Malayan Union



- ♦ British membentuk Malayan Union adalah untuk mengukuhkan pengaruh politik dan ekonomi mereka di Tanah Melayu kerana Malayan Union adalah satu bentuk penjajahan secara mutlak.
- ♦ Kita sebagai rakyat wajib menolak apa bentuk penjajahan demi mempertahankan kedaulatan negara.

REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP MALAYAN UNION

1. Reaksi daripada penduduk Tanah Melayu terbahagi kepada dua, iaitu yang menentang dan yang menerima.
2. Sebahagian besar orang Melayu menentang Malayan Union.

Faktor Penentangan Orang Melayu

Hapusnya Kedaulatan dan Kuasa Raja-raja Melayu

- ♥ Raja-raja Melayu tidak mempunyai kuasa kerana hanya menjadi ahli sahaja dalam Majlis Raja-Raja Melayu.
- ♥ Maruah dan takhta sebagai pelindung orang Melayu telah hilang.
- ♥ Kuasa pungutan zakat dipindahkan kepada Gabenor British.

Terhakis Tamadun Orang Melayu

- ♥ Tulisan jawi, bahasa melayu dan sistem beraja yang merupakan tamadun Melayu yang telah dibina sejak kerajaan Melayu Melaka akan terhakis.
- ♥ Ketuanan Melayu akan tercabar.
- ♥ Orang Melayu akan kehilangan tanah air sendiri.

Bantahan terhadap Cara Harold MacMichael Mengancam Raja-raja Melayu

- ♥ Tindakan MacMichael mengancam akan menurunkan Raja-raja Melayu dari takhta sekiranya tidak menerima Malayan Union tidak boleh diterima oleh orang-orang Melayu yang beradab.
- ♥ Masa yang diberi kepada Raja-raja Melayu tidak mencukupi untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri atau penasihat baginda berhubung syarat Malayan Union. Ini telah berlaku kepada Sultan Perak.

Kerakyatan yang Liberal

- ♥ Peruntukan kerakyatan *jus soli* akan mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi.
- ♥ Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil akibat kemasukan golongan imigran yang mendapat kerakyatan dengan mudah.

Orang yang menyokong	
Kumpulan	Alasan
<ul style="list-style-type: none"> ♦ Terdapat juga sekumpulan orang Melayu yang menyokong Malayan Union : <ul style="list-style-type: none"> (a) Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). (b) Angkatan Pemuda Insaf (API). (c) Angkatan Wanita Sedar (AWAS). (d) Barisan Tani Malaya (BATAS). 	<ul style="list-style-type: none"> ♥ Malayan Union akan menyatukan sistem pentadbiran di Tanah Melayu. ♥ Dengan pengenalan Malayan Union akan melahirkan satu pentadbiran baru yang tidak berdasarkan kuasa raja dan pembesar Melayu. ♥ Menyokong kerakyatan terbuka kepada semua yang lahir di Tanah Melayu bagi sesiapa yang ingin menjadi rakyat. ♥ Mereka juga menyokong penyatuan agama Islam bagi seluruh Tanah Melayu seperti cadangan Malayan Union. ♥ Kepercayaan yang tinggi terhadap janji British yang akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.
<ul style="list-style-type: none"> ♥ Malayan Democratic Union (MDU) dan Parti Komunis Malaya menyokong pendirian parti-parti tersebut. ♥ Mereka bersetuju dengan konsep kerajaan Malayan Union yang dikira menguntungkan kerana kerakyatan yang terbuka kepada sesiapa sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ♥ MDU mencadangkan agar Singapura dimasukkan ke dalam Malayan Union.
<ul style="list-style-type: none"> ♥ Sokongan juga datang daripada golongan imigran atas alasan setuju dengan kerakyatan terbuka dan mereka bergabung dalam <i>All Malayan Council of Joint Action</i> (AMCJA) yang diketuai oleh Tan Cheng Lock. 	
<p>Kesimpulannya, ternyata reaksi penduduk Tanah Melayu terhadap Malayan Union adalah berbeza-beza. Contohnya orang Melayu peribumi menolak sedangkan golongan orang Melayu radikal dan golongan imigran pula menerima.</p>	

Cara Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union

Secara Individu

Dato' Onn Ja'afar

- Dato' Onn Ja'afar telah menulis surat kepada akhbar Utusan Melayu menyeru agar orang Melayu mengadakan kongres dan menubuhkan *United Malays Organization* (U.M.O) sebagai pertubuhan menentang Malayan Union.

Raja Melayu

- Raja-raja Melayu juga mengambil tindakan membantah Malayan Union.
- Sultan Johor telah menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan kerana dipaksa menerima gagasan Malayan Union.
- Timbul kesedaran kepada Raja-raja Melayu apabila orang-orang Melayu membantah Malayan Union menyebabkan Raja-raja Melayu berganding bahu bersama rakyat menentang Malayan Union.

Bekas Pegawai British

- Bekas pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu turut membantah Malayan Union secara terbuka di dalam akhbar *The Times* di London.
- Mereka terdiri daripada :
 - (a) Sir Cecil Clementi.
 - (b) Frank Swettenham.
 - (c) R.O. Winstedt.
 - (d) Sir Frederick Weld.

Kongres Melayu Pertama

- 41 buah persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu telah hadir dan dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah. Baginda menderma sebanyak \$5000.
- Kongres ini berjaya untuk menubuhkan *United Malays National Organization* (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) untuk menentang Malayan Union. Dato' Onn Ja'afar merupakan pengurus pertama.
- Kongres pertama ini mendapat sambutan hangat daripada penduduk.
- Beribu-ribu orang Melayu, lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan dewasa telah memenuhi Padang Kelab Selangor pada hari pertama.
- Sepanduk dengan pelbagai kata-kata patriotik menentang Malayan Union turut dibawa.
- Wakil kaum wanita juga berani tampil ke depan berucap membantah Malayan Union.
- Seorang kanak-kanak membawa sepanduk dengan kata-kata yang mengharukan iaitu "Wahai bapa-bapa kami, peliharalah kami sementara kami besar".
- Kata-kata sepanduk kanak-kanak tersebut telah membakar lagi semangat orang-orang Melayu untuk bersatu dan berganding bahu menentang Malayan Union.
- Generasi hari ini diselamatkan oleh kesedaran itulah.

Kongres Melayu Kedua

- Bertujuan untuk membantah pengisytiharan Malayan Union yang akan diadakan pada 1 April 1946.
- 9 orang wakil daripada persatuan-persatuan negeri Melayu telah hadir.
- Tempat diadakan masyuarat ialah pejabat akhbar Majlis di Kuala Lumpur.
- Dalam kongres ini, tiga perkara penting telah diputuskan, iaitu :
 - (a) Memohon kepada Raja-raja Melayu agar memulaukan majlis pelantikan Edward Gent sebagai Gabenor yang pertama.
 - (b) Orang Melayu dikehendaki berkabung selama 7 hari dengan melilit kain putih pada songkok.
 - (c) Orang-orang Melayu yang dilantik menganggotai sebarang majlis pentadbiran Malayan Union di diminta memulaukan pelantikan tersebut.

Rapat Umum

- ♥ Diadakan sebagai menunjukkan bantahan yang sebenarnya.
- ♥ Dua ahli parlimen British mengadakan lawatan pada Mei 1946.
- ♥ Tujuan mereka membuat lawatan adalah untuk melihat kebenaran bahawa orang Melayu betul-betul menentang Malayan Union.
- ♥ Orang Melayu telah berkumpul di Klang, Seremban, Singapura, Batu Pahat, Ipoh, Johor Bahru, Muar, Rembau, dan George Town.
- ♥ Orang Melayu bukan sahaja mengadakan rapat umum, malah mereka juga membawa sepanduk yang mengutuk Malayan Union MacMichael.



Penentangan terhadap Malayan Union

Peranan Kaum Wanita

- ♥ Wanita turut serta dalam penentangan terhadap Malayan Union.
- ♥ **Cikgu Zaharah Abdullah** di Batu Pahat telah berucap menentang Malayan Union.
- ♥ Puan Halimahton Majid di Rembau telah berucap dalam perhimpunan kaum ibu membantah Malayan Union.
- ♥ Bahagian wanita Melayu Perak yang diketuai oleh **Datin Puteh Mariah** telah bergabung tenaga dengan lelaki menyokong Kongres Melayu pada tahun 1946 bagi menentang Malayan Union.
- ♥ Kebangkitan wanita dalam penentangan terhadap Malayan Union mendapat pujian daripada Dato' Onn Ja'afar.

PENUBUHAN UMNO

1. Kongres Melayu Pertama telah bersetuju untuk menukuhkan UMNO.
2. Ekoran daripada itu, sebanyak 29 buah persatuan telah menandatangani penubuhan UMNO di Istana Besar, Johor pada 11 Mei 1946.
3. Dato' Onn Ja'afar menjadi Yang Dipertua UMNO pertama.

Tujuan Penubuhan UMNO

Tahap	Keterangan
Sekitar tahun 1946	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Memajukan pendidikan orang Melayu. ♣ Menentang Malayan Union. ♣ Menjaga kepentingan politik dan keturunan Melayu. ♣ Menyatukan seluruh orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu. ♣ Melindungi kepentingan orang Melayu sebelum bersedia menuntut kemerdekaan. ♣ Mewujudkan satu organisasi nasional.
Tahun 1949	<ul style="list-style-type: none"> ♣ Menjadi pelindung kedaulatan Tanah Melayu. ♣ Menuntut kemerdekaan negara. ♣ Memajukan orang Melayu dalam siasah, kebudayaan ictis, dan kebijakan hidup. ♣ Berfungsi sebagai parti siasah yang berkaitan dengan politik dan pentadbiran di Tanah Melayu. ♣ Mencari ikhtiar agar dapat mendirikan sebuah kerajaan merdeka yang memerintah Tanah Melayu.

Perjuangan Tokoh UMNO

1. Kepimpinan beberapa tokoh dapat ditonjolkan melalui penubuhan UMNO kerana tokoh-tokoh tersebut terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Penggubalan Perlembagaan UMNO pada tahun 1949.
2. Tokoh-tokoh tersebut termasuklah Dato' Onn Ja'afar yang merupakan Yang Dipertua UMNO pertama (1946 - 1951), Dato' Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud, Zainal Abidin Ahmad dan Dato' Panglima Bukit Gantang.

Dato' Onn Ja'afar



- ♣ Mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dan di England.
- ♣ Merupakan pengasas UMNO.
- ♣ Pernah menjadi Pegawai Tadbir Johor dan seorang wartawan terkenal.
- ♣ Dilantik menjadi Menteri Besar Johor pada tahun 1946 kerana kejayaannya memulihkan keamanan di Batu Pahat semasa berlaku pergaduhan kaum yang dasyat.
- ♣ Beliau merupakan orang pertama yang menyeru orang Melayu supaya bersatu padu secara berorganisasi di peringkat nasional.
- ♣ Telah mencadangkan agar ditubuhkan parti politik kebangsaan menentang Malayan Union.
- ♣ Kongres Melayu telah berjaya dianjurkan berkat Kerjasama beberapa orang pemimpin Melayu yang lain pada tahun 1946 di Kuala Lumpur.

- ♠ Sumbangan terbesar beliau menyatukan orang Melayu untuk menumbangkan Malayan Union. Beliau sanggup menjelajah seluruh Tanah Melayu untuk menunjukkan kepada British tentang bantahan orang Melayu.
- ♠ Dato' Onn telah berjaya memujuk Raja-raja Melayu agar memulaukan upacara pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union.
- ♠ Beliau menjadi ahli jawatankuasa menggubal perlembagaan UMNO pada tahun 1949.
- ♠ Beliau berusaha mengambil beberapa perlembagaan parti terkenal dari luar negara untuk dijadikan panduan.
- ♠ Melalui perlembagaan pertama ini, UMNO telah menjadi sebuah parti politik yang sepenuhnya.

Dato' Panglima Bukit Gantang



- ♠ Merupakan Setiausaha Agung UMNO yang pertama.
- ♠ Abdul Wahab bin Abdul Aziz adalah nama sebenar beliau.
- ♠ Mendapat pendidikan di Anderson School, Ipoh, Perak dan Inner Temple, England.
- ♠ Beliau menuju Perikatan Melayu Perak semasa Malayan Union diperkenalkan.
- ♠ Menyokong Kongres Melayu untuk menumbangkan Malayan Union.
- ♠ Menjadi ketua UMNO Perak dari tahun 1948 hingga tahun 1953.

Dato' Nik Ahmed Kamil



- ♠ Merupakan Ketua UMNO Kelantan dan Ahli Jawatankuasa UMNO Pusat.
- ♠ Mendapat pendidikan di Sekolah Majlis Agama Islam. Kota Bharu dan Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak.
- ♠ Seterusnya melanjutkan pelajaran di Lincoln's Inn, London, England.
- ♠ Pernah menjadi peguam bertauliah, Setiausaha Kerajaan Negeri, dan Menteri Besar Kelantan pada

tahun 1948 hingga tahun 1955.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)



- ♠ Merupakan intelektual Melayu yang terlibat dalam Kongres Melayu pada tahun 1946. Dato' Onn' Ja'afar telah memohon bantuan beliau untuk menguruskan persidangan Kongres.
- ♠ Beliau telah mencadangkan kepada Dato' Onn agar menambah perkataan "Kebangsaan" ke dalam United Malaya Organization.
- ♠ Dengan itu, perkataan "National" yang bermaksud kebangsaan telah dimasukkan pada United Malays Organization menjadi United Malays National Organization.
- ♠ Digelar juga sebagai **Pendeta Bahasa**.

Perjuangan dan Perkembangan UMNO

Fakta	Keterangan
Kejayaan	<ul style="list-style-type: none"> ♦ UMNO berjaya memajukan orang Melayu dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan sosial.
Perjuangan	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Perjuangan UMNO meliputi : (a) Menyatukan orang Melayu. (b) Menggagalkan Malayan union. (c) Menghapuskan semangat kedaerahan dan kenegerian orang Melayu. (d) Memperjuangkan ketuanan Melayu. (e) Mengusahakan kemajuan ekonomi dan kebajikan orang Melayu. (f) Memajukan pendidikan orang Melayu. (g) Mewujudkan sebuah parti politik bercorak kebangsaan.
Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> ♦ UMNO merupakan sebuah parti yang memperjuangkan perpaduan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.
Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Beberapa mesyuarat diadakan di beberapa bandar besar seperti pada Jun 1946 Mesyuarat Agung UMNO telah diadakan di Ipoh, Perak. ♦ Mesyuarat Agung juga turut diadakan di Kota Bharu, Kelantan.
Perasmian	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Raja-raja atau sultan Melayu biasanya akan merasmikan Mesyuarat Agung di mana mesyuarat itu diadakan. ♦ Ini sebagai bukti perjuangan UMNO direstui oleh Raja-raja Melayu.
Piagam	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Pada tahun 1946 juga Piagam UMNO telah dibentuk sebagai panduan untuk UMNO bergerak.
Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Selepas itu, Perlembagaan UMNO yang pertama telah diluluskan untuk menjadikan UMNO sebagai sebuah parti politik yang sah.
PEKEMBAR	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Lambang yang menjadi identiti UMNO terdiri daripada beberapa perkataan dalam tulisan jawi, iaitu PEKEMB AR (ڤ, ڪ, ڻ, ڦ).
Cogan kata	<ul style="list-style-type: none"> ♦ “Hidup Melayu” merupakan cogan kata UMNO yang dicipta oleh Dato’ Onn Ja’afar untuk menyatukan ahli-ahli UMNO. ♦ Cogan kata ini pada asalnya adalah slogan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor pimpinan Dato’ Onn sendiri.
Merdeka	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Pada bulan Mac 1950, atas cadangan wakil Pemuda Bahagian Batu Pahat iaitu Syeikh Gharieb Raub, cogan kata “Hidup Melayu” ditukarkan kepada “Merdeka”.
Bendera	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Dalam Persidangan UMNO di Ipoh, Perak pada Jun 1946 telah diputuskan pemilihan bendera UMNO.
Kibar	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Buat pertama kalinya bendera UMNO telah dikibarkan semasa Mesyuarat Agung UMNO di Pulau Pinang pada 27 Julai 1947.
Warna	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur telah mencadangkan bendera UMNO ♦ Warna bendera UMNO terdiri daripada hijau, putih, merah, dan kuning.

Warna bendera	♦ Bendera UMNO terdiri daripada hijau, putih, merah, dan hijau.
Warna merah	♦ Lambang keberanian.
Warna kuning	♦ Dalam bulatan lambang diraja.
Keris warna hijau	♦ Melambangkan agama Islam.
Keris	♦ Melambangkan ketamadunan Melayu.
Kesemua lambang yang terdapat pada bendera UMNO mewakili kepentingan orang Melayu yang menjadi dasar perjuangan UMNO.	
UMNO	♦ Hasil daripada perpaduan orang Melayu menentang Malayan Union telah menghasilkan UMNO.
Pemimpin	♦ Pemimpin UMNO yang terdiri daripada cerdik pandai membantu UMNO bergerak secara sistematik mengikut lunas-lunas perlembagaan.
Identiti	♦ Bukan itu sahaja, UMNO berjaya melahirkan identitinya yang jelas sehingga berjaya muncul sebagai parti politik yang tersohor sehingga kini.

PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Setelah cubaan melaksanakan Pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu ditentang hebat oleh Raja-raja Melayu dan rakyat jelata maka pihak British telah bersetuju untuk menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.
2. Ini merupakan kejayaan perjuangan orang Melayu untuk mempertahankan kedaulatan tanah air.

Rundingan ke Arah Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Bantahan

- ♦ Sejak bulan Januari hingga Mei 1947, orang Melayu telah menunjukkan bantahan secara aman di seluruh Semenanjung, ini memberi gambaran kepada British bahawa orang Melayu menolak Malayan Union.

Jawatankuasa Eksekutif

- ♦ Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 25 Julai 1946 yang dianggotai oleh Pegawai Kanan British, wakil Raja-raja Melayu, dan wakil UMNO.

Pertemuan

- ♦ Pada Mei 1946, pertemuan antara Raja-raja Melayu dan British di Kuala Kangsar telah membolehkan Raja-raja Melayu menyampaikan pandangan mereka untuk menolak Malayan Union.

Memorandum

- ♦ Hasilnya satu memorandum untuk menyatakan bantahan terhadap Malayan Union secara rasmi kepada British dibuat oleh Raja-raja Melayu dan UMNO.

Rundingan

- ♦ Manakala di Pulau Pinang pada Jun 1946, satu rundingan telah dibuat antara UMNO dan British.

Ketegasan UMNO

- ♦ Ketegasan UMNO dan Raja-raja Melayu menolak Malayan Union menyebabkan British mengadakan rundingan rasmi dengan Raja-raja Melayu dan UMNO.

Persidangan

- ♦ Beberapa kali persidangan dibuat di King's House, Kuala Lumpur dan beberapa tuntutan telah dibuat seperti berikut :
 - (a) Menolak kerakyatan *jus soli*.
 - (b) Mendesak Raja-raja Melayu menjadi ketua negeri Melayu.
 - (c) Orang Melayu dan Raja-raja menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union.
 - (d) Mahukan sebuah persekutuan bagi seluruh Tanah Melayu.
 - (e) Mahu taraf negeri naungan bagi negeri Melayu dipulihkan.

Setuju

- ♦ British tidak mahu orang Melayu menentang mereka dengan kekerasan, maka British bersetuju membentuk Persekutuan Tanah Melayu.

PKM

- ♦ British juga tidak mahu PKM mempengaruhi orang Melayu.

Kerjasama

- ♦ Orang Melayu yang boleh bekerjasama dan sentiasa bersikap sederhana dengan pihak British serta menggunakan rundingan untuk menyelesaikan sesuatu isu telah mempengaruhi British.

PTM

- ♦ Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 1 Februari 1948.

PPTM

- ♦ Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu termeterai pada 21 Januari 1948 hasil rundingan antara British dengan Raja-raja Melayu dan UMNO.

Dekolonisasi

- ♦ Pihak British ingin menjalankan dasar dekolonisasi yang digalakkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Perbandingan dari Segi Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu dengan Malayan Union

Persekutuan Tanah Melayu	Aspek Perbezaan	Malayan Union
Pesuruhjaya Tinggi British dan Majlis Raja-raja Melayu.	Ketua pentadbiran	Gabenor British.
Majlis Mesyuarat Eksekutif, Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan dan Majlis Raja-raja Melayu.	Kuasa di peringkat pusat	Parlimen British.
Sultan, Menteri Besar, dan Majlis Mesyuarat Negeri.	Kuasa di peringkat negeri	Pesuruhjaya negeri-negeri dan Majlis Mesyuarat Negeri.
Sultan negeri.	Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.	Gabenor British.
Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.	Bahasa pentadbiran	Bahasa Inggeris.

Perbezaan Kerakyatan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Malayan Union

Persekutuan Tanah Melayu	Cara Mendapatkan Kerakyatan	Malayan Union
<ul style="list-style-type: none"> ♦ <i>Jus soli</i> hanya terbuka kepada rakyat raja atau rakyat British. ♦ Pemohon yang lahir di luar negeri tetapi bapanya adalah rakyat raja dan rakyat British. 	Secara kuat kuasa undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> ♦ <i>Jus soli</i> bagi mereka yang lahir di Malayan Union, Singapura, dan tanah jajahan British yang lain.
<ul style="list-style-type: none"> ♦ Pemohon yang berusia 21 tahun, tidak ada rekod jenayah serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu. ♦ Mereka yang berusia 21 tahun dan telah tinggal selama lapan daripada 12 tahun di Tanah Melayu serta boleh bertutur dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. 	Secara permohonan.	<ul style="list-style-type: none"> ♦ Pemohon yang telah tinggal selama lima daripada tujuh tahun dari tarikh pemohonan. ♦ Anak angkat pemohon yang telah menjadi rakyat Malayan Union.